

BAB 4

ASPEK-ASPEK TAMADUN CHINA YANG MEMBENTUK IDENTITI PERADABAN JEPUN

4.0 PENDAHULUAN

Dalam memperkatakan aspek-aspek Tamadun China yang telah membentuk identiti Tamadun Jepun, aspek yang telah mendominasi serta jelas terlihat dalam Tamadun Jepun ialah agama. Agama Buddha mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat Jepun dan agama tersebut menjadi salah satu daripada kepercayaan utama masyarakat Jepun hari ini selain daripada agama pribumi Jepun sendiri iaitu Shinto. Malah agama Buddha juga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pelbagai aspek kehidupan masyarakat Jepun seperti falsafah dan pemikiran, norma-norma serta nilai-nilai masyarakat dan sebagainya. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh faktor bahawa agama Buddha merupakan elemen pertama dari Tamadun China yang memasuki lingkungan Tamadun Jepun.

Selain daripada aspek agama sebagaimana yang telah diperjelaskan, terdapat juga aspek-aspek lain yang telah mempengaruhi pembentukan identiti Tamadun Jepun seperti kesenian, kesusasteraan, senibina, bahasa dan sistem tulisan dan sebagainya. Dengan erti kata lainnya ciri-ciri dari Tamadun China telah memberi sumbangan yang besar kepada pembentukan identiti Tamadun Jepun yang kita saksikan pada hari kerana ianya merangkumi hampir keseluruhan aspek dalam Tamadun Jepun.

Sebenarnya dalam memperkatakan proses interaksi peradaban antara China dan Jepun, ianya boleh dilihat melalui dua dimensi yang berbeza iaitu

pada dimensi pertama Tamadun Jepun mengambil idea-idea dari Tamadun China lalu mencontohinya serta dipraktikkan dalam lingkungan budaya mereka. Umpamanya aspek agama iaitu Buddha yang mana sebelum ini masyarakat Jepun tidak mempunyai pengetahuan langsung mengenai agama baru tersebut. Lalu idea-idea agama Buddha diambil terus dari China lalu dipraktikkan di Jepun. Manakala dalam dimensi kedua pula, idea-idea yang diambil dari Tamadun China tersebut dimodifikasikan mengikut acuan serta citarasa Tamadun Jepun. Ini bermaksud bahawa idea-idea tersebut hanya merupakan intipati sesuatu aspek yang dipinjam itu, lalu Jepun mengasimilasikan mengikut budaya mereka sendiri.

Namun dalam melihat aspek-aspek Tamadun China yang telah mewarnai Tamadun Jepun, pengkaji tidak mengklasifikasikannya mengikut dimensi yang telah disebutkan di atas memandangkan hampir keseluruhan aspek-aspek tersebut telah dimodifikasikan mengikut citarasa Tamadun Jepun. Oleh itu pengkaji akan melihat secara umum aspek-aspek tersebut dan penumpuan lebih diberikan kepada beberapa aspek terpenting iaitu;

1. sistem kepercayaan
2. falsafah dan pemikiran
3. nilai noral dan etika
4. sistem tulisan
5. kesenian
6. struktur pembinaan ibu kota

4.1 SISTEM KEPERCAYAAN

Dalam membicarakan sistem kepercayaan Jepun, ianya mempunyai keunikan yang tersendiri yang mana masyarakat Jepun menganuti pelbagai sistem kepercayaan dalam menjalani kehidupan seharian. Agama asli bagi penduduk Jepun ialah agama *Shinto* di samping pelbagai agama asing seperti Buddha, Confucian, Taoisme serta Kristian yang telah dipraktikan secara harmoni dari generasi demi generasi. Ini disebabkan oleh faktor bahawa kebebasan beragama telah diberi jaminan oleh pihak pemerintah Jepun serta termaktub di dalam Perlembagaan Jepun menerusi Artikel 20 yang menyebut sebagai;

“no religious organization shall receive any privileges from the State, nor exercise any political authority. No person shall be compelled to take part in any religious act, celebration, rite or practice. The State and its organs shall refrain from religious education or any other religious activity.”⁸⁹

Namun dalam membicarakan kesan pengaruh China dari aspek sistem kepercayaan, ianya menjurus kepada agama Buddha serta Confucian . Malah kedua-dua agama asing tersebut mempunyai perkaitan yang rapat dengan agama pribumi Jepun iaitu *Shinto* dan ini dapat dilihat melalui kata-kata Putera Shotoku iaitu;

*“Shinto was the roots of the tree,
Confucianism the stem and branches
and Buddhism the fruits and flowers.”⁹⁰*

⁸⁹ *The Japan of Today*, hlm. 113

⁹⁰ Paul Thomas, *The Asians: Their Revolving Heritage*, New York: Harper Collins, 1984, hlm. 280

Masyarakat Jepun menganggap bahawa perkaitan yang rapat diantara ajaran-ajaran tersebut dalam amalan sistem kepercayaan mereka sebagai keunikan yang membentuk identiti Tamadun Jepun yang tidak terdapat pada mana-mana sejarah peradaban di dunia. Di atas faktor inilah yang menyebabkan Tamadun Jepun dikenali sebagai sebuah tamadun yang unik.

Keadaan ini seolah-olah memberi gambaran bahawa masyarakat Jepun tidak mempunyai pegangan agama yang kuat. Namun generalisasi seperti itu tidak dapat diterima. Ini memandangkan bahawa dalam memperkatakan sistem kepercayaan, masyarakat Jepun berpendirian bahawa objek atau identiti pemujaan itu bukanlah merupakan sesuatu yang penting. Namun yang lebih utamanya ialah sesuatu sistem kepercayaan itu dapat memberi kesedaran atau menimbulkan keinsafan kepada seseorang individu mengenai segala perlakuannya yang menyalahi norma-norma sebagai manusia di dunia ini. Di atas faktor tersebut maka masyarakat Jepun mengamalkan sikap fleksibel didalam amalan sistem kepercayaan. Mereka mengambil pendirian bahawa apa-apa jua agama yang mendatangkan kebaikan kepada manusia bebas dipraktikkan tanpa terikat kepada satu-satu ajaran.⁹¹

Oleh itu walaupun agama Buddha dan Confucian bukan merupakan agama pribumi negara Jepun, namun kedua-dua ajaran tersebut yang berasal dari Negara China itu telah diamalkan secara harmoni dengan agama pribumi

⁹¹ **The New Official Guide Japan**, Tokyo: Japan Travel Bureau, 1983, hlm.139

mereka. Malah dengan itu juga, agama asing tersebut telah memberi sumbangan yang besar kepada Tamadun Jepun memandangkan ajaran-ajarannya mempunyai perkaitan yang rapat dengan setiap aspek kehidupan masyarakatnya.

Untuk mendapatkan gambaran dengan lebih jelas lagi bagaimana Tamadun China menerusi dimensi sistem kepercayaan telah membentuk identiti Tamadun Jepun, pengkaji akan melihat daripada aspek agama Buddha sahaja memandangkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Confucian lebih merupakan falsafah etika dan ini akan dibincangkan di dalam aspek nilai moral dan etika (4.3).

4.1.1 BUDDHA

Agama Buddha merupakan elemen pertama dari Tamadun China yang telah memasuki alam Tamadun Jepun dan seterusnya ianya telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembentukan serta perkembangan identiti Tamadun Jepun. Melihat dari perspektif sejarah, agama Buddha mula diperkenalkan di Jepun pada pertengahan abad ke-6 yang dibawa masuk melalui Korea. Ianya mula diperkenalkan kepada golongan pemerintah iaitu kelas atasan sahaja. Terdapat dua reaksi yang timbul ekoran daripada kemasukan agama Buddha ke Jepun yang mana keluarga Soga amat mengalu-alukan kemasukan agama baru tersebut manakala pada satu pihak yang lain

pula iaitu keluarga Mononobe menentang keras terhadap pembawaan masuk agama itu.

Golongan yang menerima agama Buddha merupakan golongan yang berpandangan jauh. Mereka beranggapan bahawa dengan kemasukan agama baru ini akan membawa Jepun mencapai kepada tahap kebudayaan yang tinggi kerana sebagaimana yang terbukti di Negara China, agama Buddha telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan Tamadun China. Ianya bukan sahaja berperanan sebagai ilmu pengajaran agama semata-mata malah ianya juga berfungsi sebagai elemen kebudayaan China.⁹² Inilah yang menyebabkan Keluarga Soga amat mengalu-alukan kemasukan agama Buddha ke Jepun. Manakala Keluarga Mononobe yang menentang kemasukan agama Buddha ke Jepun pula berpendapat bahawa agama ini mempunyai perbezaan dengan agama pribumi mereka iaitu Shinto. Oleh itu segala bentuk ideologi yang bertentangan dengan ideologi tradisi mereka perlu disekat dari terus tersebar ke seluruh Jepun. Golongan ini begitu fanatik dengan agama tradisi mereka yang telah mereka warisi sejak berkurun lamanya. Untuk menyelesaikan permasalahan ini, agama Buddha telah dimodifikasikan mengikut agama pribumi Jepun dan akhirnya ianya telah diterima sebagai agama utama di Jepun selain daripada agama Shinto.

⁹² *Ibid.*, hlm. 143

Perkembangan agama Buddha di Jepun mendapat sokongan daripada golongan istana terutamanya Putera Shotoku (593-622 T.M.) yang mempunyai ikatan dengan Keluarga Soga. Beliau telah mengambil beberapa langkah yang penting dalam usahanya menyebarkan agama Buddha di Jepun. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh beliau ialah membawa masuk sami-sami Buddha dari Negara China untuk memberi bimbingan kepada masyarakat Jepun ketika itu. Malah kefahaman beliau yang begitu mendalam terhadap pengajaran agama Buddha dapat dilihat melalui kata-katanya;

***"The world is false,
the Buddha alone is true."***⁹³

Sememangnya beliau merupakan individu yang telah memainkan peranan penting kepada perkembangan agama Buddha di Jepun. Apabila melihat agama Buddha di Jepun, ianya seolah-olah sinonim dengan peranan beliau sebagai wali pertama agama Buddha di Jepun.

Akhirnya dari semasa ke semasa agama Buddha telah memperolehi kedudukan yang kuat di Jepun. Pada tahun 685 T.M., pihak istana telah mengarahkan rakyat supaya membina tempat suci agama Buddha di setiap rumah untuk dijadikan sebagai objek pemujaan untuk upacara sembahyang. Malah sehingga ke hari ini kita akan mendapati setiap rumah masyarakat Jepun mempunyai dua tempat pemujaan iaitu satu bagi agama Shinto dan satu

⁹³ Agency Cultural Affairs, **Japanese Religion**, Tokyo: Kodansha International Ltd., 1972, hlm.17

lagi untuk agama Buddha. Malah semasa era pemerintahan Kesyogunan Tokugawa (1603-1863 T.M.), kuil-kuil Buddha telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan sosial di Jepun memandangkan kuil-kuil tersebut mempunyai maklumat-maklumat terperinci tentang kelahiran, perkahwinan serta kematian penganutnya yang dicatatkan dalam rekod simpanan mereka. Dengan erti kata lainnya, kuil-kuil Buddha merupakan tempat rujukan utama bagi mendapatkan statistik terpenting yang berkaitan dengan keadaan sosial masyarakat Jepun ketika itu. Ini jelas menunjukkan bahawa agama Buddha telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan sosial Negara Jepun ketika itu.

Perkembangan agama Buddha juga dapat dilihat dengan bertambahnya kemasukan mazhab-mazhab agama Buddha ke Jepun semasa era pemerintahan Kamakura (1185-1333 T.M.). Umpamanya pada abad ke-12 dan 13, ramai ahli pemikir dan falsafah Buddha telah muncul seperti "*Honen*", "*Shinran*", "*Dogen*" dan "*Nichiren*".⁹⁴ Empat-empat pemimpin ini telah mengasaskan empat mazhab Buddha yang utama di Jepun iaitu "*Jodo Shu*", "*Jodo Shinshu*", "*Zen*" dan "*Hokke*".⁹⁵ Cetusan idea-idea mereka serta aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan, telah menimbulkan kesedaran agama di kalangan rakyat Jepun dan ianya boleh disifatkan sebagai era reformasi agama di Jepun ketika itu. Namun diantara keempat-empat mazhab tersebut hanya mazhab "*Jodo Shinshu*" dan "*Zen*" sahaja yang mempunyai pengaruh yang

⁹⁴ Ibid., hlm. 18

⁹⁵ Ibid.

kuat di Jepun sehingga ke hari ini.⁹⁶ Mazhab “Jodo Shinshu” mempunyai pengikut yang ramai kerana ajarannya yang mudah serta ianya berpengaruh dalam upacara-upacara keagamaan serta sambutan perayaan-perayaan di Jepun.⁹⁷ Manakala mazhab “Zen” pula lebih digemari oleh golongan samurai atau pahlawan Jepun memandangkan ajaran mazhab ini mementingkan disiplin diri serta kawalan diri melalui amalan meditasi atau bertafakur. Amalan ini memerlukan penumpuan fikiran dan emosi yang mendalam oleh pengikutnya. Justeru itu ianya amat bersesuaian dengan jiwa samurai atau pahlawan.

Di antara tokoh pemimpin Buddha yang terkemuka ialah *Dosho* (629-700 T.M.) yang mana beliau merupakan seorang sarjana yang telah dihantar ke China untuk mempelajari agama Buddha secara mendalam daripada seorang tokoh agama Buddha yang terkenal di China iaitu *Yuan-chang*.⁹⁸ Sekembalinya dari China, beliau telah membawa sama pelbagai bahan-bahan rujukan agama Buddha yang terpenting dan seterusnya bahan-bahan bacaan tersebut dijadikan sumber rujukan utama untuk pembelajaran agama Buddha di Jepun. Dosho juga telah memperkenalkan falsafah logika Buddha, “*Hosso*” yang menumpukan kepada amalan spiritual dan falsafah logikanya itu telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Jepun pada abad itu. Walaupun beliau tidak meninggalkan sebarang bentuk penulisan untuk rujukan masyarakat

⁹⁶ Paul Thomas, *The Asians: Their Revolving Heritage* 6th Edition, hlm. 279

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ Anesaki Masaharu, *History of Japanese Religion With Special Reference to the Social and Moral Life of the Nation*, Tokyo: Charles E. Tuttle Co., 1963, hlm. 81

kontemporari, namun jasa beliau sebagai seorang pelopor atau perintis dalam bidang falsafah logika Buddha tetap dikenang sehingga ke hari ini. Semasa menghabiskan sisa-sisa usianya, Dosho telah menjelajah ke seluruh Jepun dan beliau telah melakukan pelbagai kerja kebajikan seperti membina rumah-rumah sami, membina rumah kebajikan, membina jambatan dan sebagainya.⁹⁹ Beliau juga telah memperkenalkan buat pertama kalinya upacara pembakaran mayat di Jepun dan mengarahkan supaya abu mayat tersebut diterbangkan ke udara. Kesimpulannya, ketokohan beliau terus dikenang sehingga ke hari ini memandangkan beliau merupakan perintis kepada kemasukan pelbagai amalan agama Buddha yang sebelum ini tidak pernah dipraktikkan oleh masyarakat Jepun.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa agama Buddha telah memberi sinar yang baru dalam kehidupan masyarakat Jepun. Umpamanya salah satu daripada pengajaran agama Buddha yang terpenting ialah prinsip mengenai hidup selepas mati (ilmu ghaib).¹⁰⁰ Prinsip ini merupakan sesuatu yang baru bagi masyarakat Jepun memandangkan agama pribumi mereka, *Shinto* tidak mempunyai pengajaran tersebut. Oleh itu tidaklah menghairankan sekiranya pada peringkat awal pengenalan idea tersebut di bawa masuk ke Jepun, masyarakat Jepun merasakan ianya sesuatu yang aneh dan asing buat mereka. Namun akhirnya idea tersebut dapat diterima dengan baiknya oleh

⁹⁹ Jambatan pertama yang telah dibina oleh Dosho terletak di Uji, berhampiran Kyoto dan dapat dilihat sehingga ke hari ini.

¹⁰⁰ Paul Thomas, *The Asians: Their Revolving Heritage 6th Edition*, hlm. 280.

masyarakat Jepun dan sebagainya kesannya, masyarakat Jepun amat mengambil berat tentang segala perlakuan atau tindak-tanduk mereka di dunia ini. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan bagi agama Buddha di Jepun.

Agama Buddha yang telah membawa pelbagai perubahan di Jepun tidak sahaja tertumpu kepada aspek pengajarannya sahaja. Malah ianya juga telah memberi sumbangan yang besar kepada kestabilan politik Jepun. Ini kerana agama Buddha amat menekankan prinsip kesetiaan kepada kepimpinan negara.¹⁰¹ Agama Buddha telah mengembalikan kuasa sebenar Maharaja Jepun melalui doktrin falsafahnya yang menekankan betapa pentingnya mempunyai sistem kerajaan berpusat yang kuat. Dengan adanya satu kuasa autoriti pada maharaja, maka kestabilan negara akan terbina dan seterusnya segala bentuk pembangunan yang dirancang akan mudah terlaksana. Selaras dengan idea tersebut, agama Buddha secara rasminya telah diberikan status sebagai salah sebuah badan pertubuhan utama Negara Jepun.¹⁰²

Peranan agama Buddha yang dikatakan sebagai agen pembawa pembaharuan di Jepun dapat juga dilihat melalui ideanya yang menekankan prinsip persamaan hak dan perpaduan sesama manusia. Menurut ajaran Buddha, setiap manusia yang hidup di dunia ini mempunyai hak yang sama walaupun berbeza dari segi kaum keturunan, agama, warna kulit dan

¹⁰¹ Anesaki Masaharu, *History of Japanese Religion*, hlm. 80

¹⁰² *Ibid.*, hlm. 81

sebagainya. Dan yang pastinya rakyat perlu hidup bersatu padu tanpa mengira perbezaan pendapat atau sebagainya dan seterusnya memberi kerjasama kepada kepimpinan negara dan dasar-dasar pembangunan negara.¹⁰³ Kedudukan agama Buddha yang menjadi semakin penting juga jelas terlihat apabila kerajaan Jepun telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan satu sistem dimana guru-guru dan sami-sami Buddha menjadi penyelia kepada pegawai-pegawai tadbir kerajaan untuk membentuk disiplin dan tingkah laku mereka.¹⁰⁴ Guru-guru Buddha juga dihantar ke kawasan-kawasan pedalaman untuk memberi pengajaran dan bimbingan kepada rakyat biasa. Dengan erti kata lainnya, agama Buddha mempunyai kedudukan yang kuat di Jepun memandangkan pengaruhnya telah tersebar ke seluruh negara.

Justeru itu mereka telah menggunakan kedudukan tersebut dengan menyarankan pihak kerajaan menyediakan kemudahan prasarana yang selesa untuk kemudahan rakyat. Di atas usaha golongan inilah pelbagai kemudahan prasarana Negara Jepun giat dijalankan seperti pembinaan jalan raya, pembinaan rumah-rumah tumpangan bagi orang musafir, pembinaan jambatan, pembekalan air bersih untuk rakyat dan sebagainya.¹⁰⁵ Sesungguhnya agama Buddha telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan Tamadun Jepun dan pada masa yang sama juga, ianya telah

¹⁰³ *Ibid.*

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ *Ibid.*

membentuk sebahagian daripada identiti Tamadun Jepun sebagaimana yang dapat kita saksikan pada hari ini.

Sesungguhnya agama Buddha telah memainkan peranan yang penting dan seterusnya mempunyai kedudukan yang kuat di Jepun. Walaupun ianya diisytiharkan sebagai agama kedua Jepun oleh pemerintahan Meiji pada tahun 1868 serta pelbagai bentuk kemusnahan akibat Perang Dunia Kedua, namun agama Buddha tetap mempunyai kedudukan yang kuat di Jepun sehingga ke hari ini. Kuil-kuil Buddha masih lagi berperanan sebagai institusi pendidikan dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat universiti. Masyarakat Jepun pada hari ini juga masih lagi mengunjungi kuil-kuil Buddha bagi upacara kematian dan menyambut perayaan yang berkaitan dengan agama Buddha tanpa perasaan prejudis. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Laporan Tahunan Keagamaan Jepun, bilangan penganut agama Buddha ialah seramai kira-kira 81,762, 636 sehingga tahun 1978.¹⁰⁶

¹⁰⁶ **The New Official Guide Japan**, hlm. 149



Rajah 1. Patung 'Daibutsu' Kamakura ini merupakan lambang kegemilangan agama Buddha Di Kamakura. Ianya dibina pada tahun 1252 yang mempunyai ketinggian 12.8m dan berat 103 tan.

Sumber : <http://www.u.arizona.edu/~Temkerr/buddha.html>

4.2 FALSAFAH DAN PEMIKIRAN

Apabila memperkatakan falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun, satu perkara penting yang tidak boleh dinafikan lagi ialah ianya diwarnai oleh prinsip-prinsip yang terkandung didalam doktrin agama Buddha serta nilai-nilai moral dan etika dalam Confucian. Prinsip-prinsip tersebut telah mempengaruhi sudut falsafah dan pemikiran rakyat Jepun secara menyeluruh. Oleh itu kita boleh mengatakan bahawa falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun dipengaruhi oleh idea-idea dari Tamadun China tetapi disesuaikan mengikut kehendak serta citarasa tempatan.

Antara contoh yang paling jelas dalam membuktikan pengaruh falsafah dan pemikiran China yang telah mendominasi pemikiran masyarakat Jepun ialah melalui amalan Zen Buddhisme. Pada peringkat awal pengenalan idea-idea Zen Buddhisme, ianya lebih popular diamalkan di kalangan samurai. Namun akhirnya masyarakat biasa juga turut terpengaruh dengan falsafah yang telah dibawa oleh Zen Buddhisme yang mana ianya menekankan kepada dua perkara penting iaitu kawalan diri dan yang penting sekali falsafah bahawa segala yang hidup akan mati.¹⁰⁷ Dengan adanya prinsip kawalan diri yang dianjurkan oleh Zen Buddhisme, ianya dapat mendisiplinkan diri pengikutnya dan seterusnya dapat menanamkan nilai-nilai murni dalam diri mereka. Dengan erti kata lainnya, mereka sentiasa menjaga tingkah laku

¹⁰⁷ Murukami Hyoe dan Edward G. Seidensticker, **Guides to Japanese Culture**, Tokyo: Japan Culture Institute, 1977, hlm. 49

mereka dalam pergaulan seharian dan seterusnya dapat membina kerukunan hidup bermasyarakat.

Manakala melalui falsafah kematian pula, ia sememangnya merupakan perkara penting yang ditanamkan dalam diri dan minda pengikut Zen Buddhisme. Golongan samurai khususnya diberi kefahaman yang mendalam tentang kematian. Mereka disarankan agar berani membuat keputusan dan apabila telah sampai masanya untuk bertindak, maka setiap samurai perlu berani melaksanakan pendirian yang telah dibuat tanpa menoleh ke belakang. Falsafah sedemikian telah mempengaruhi pemikiran golongan samurai dan begitu juga rakyat biasa. Zen Buddhisme menekankan prinsip bahawa manusia perlu berani menghadapi kematian kerana ia sememangnya satu kemestian. Dan Zen juga mengajar masyarakat Jepun bahawa sekiranya sesuatu keputusan yang kita ambil itu akhirnya mendatangkan kesan negatif, maka kita tidak perlu menyesal dengan keputusan tersebut. Sesungguhnya segala bentuk falsafah yang terkandung didalam ajaran Zen Buddhisme telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun dari dahulu sehingga kini. Oleh itu, tidaklah menghairankan sekiranya pada zaman kontemporari ini, kita biasa melihat bagaimana masyarakat Jepun berani dalam membuat keputusan dan segala tindakan yang diambil oleh mereka adalah selari dengan keputusan yang telah dibuat. Namun apa yang penting disini ialah falsafah sedemikian rupa yang mempengaruhi pemikiran masyarakat Jepun merupakan

falsafah dari agama Buddha yang diperolehnya melalui proses interaksi dengan Tamadun China.

Selain daripada itu, falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun lebih banyak dipengaruhi oleh ajaran Confucianisme. Ajaran Confucianisme menekankan prinsip lima perkara dalam menjaga hubungan sesama manusia iaitu;

- i. rakyat patuh kepada raja
- ii. anak lelaki patuh kepada ayah
- iii. adik lelaki patuh kepada abang
- iv. isteri patuh kepada suami
- v. kawan setia kepada kawan¹⁰⁸

Melalui prinsip-prinsip tersebut, ianya telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun. Umpamanya melalui prinsip yang pertama, sebagai natijahnya rakyat Jepun mempunyai semangat patriotik dan cintakan negara yang kuat. Sememangnya rakyat Jepun terkenal dengan sikap berbangga dengan negara sendiri dan mereka amat menghormati Maharaja mereka kerana menurut ajaran Buddha, Maharaja merupakan wakil Tuhan. Oleh itu rakyat perlu taat dan setia kepada Maharaja dan memastikan agar kedudukan Maharaja mereka terus terpelihara. Fahaman sedemikian rupa meninggalkan kesan yang mendalam didalam diri dan jiwa masyarakat Jepun.

¹⁰⁸ Paul Thomas, *The Asians: Their Revolving Heritage* 6th Edition, hlm. 267

Manakala melalui prinsip keempat iaitu isteri perlu patuh kepada suami sememangnya meninggalkan kesan yang mendalam kepada pemikiran masyarakat Jepun. Melalui falsafah Confucianisme ini, kaum wanita dari peringkat awal lagi telah diberi penekanan bahawa kedudukan mereka sentiasa di bawah kaum lelaki. Malah terdapat satu pernyataan didalam ajaran Confucian yang mana ianya perlu menjadi pegangan bagi kaum perempuan iaitu;

*“obedience to her father when single,
to her husband when married and
to her eldest son when widowed.”¹⁰⁹*

Ini jelas menunjukkan bagaimana falsafah Confucianisme mengenai kedudukan wanita telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Jepun. Perlu diingatkan bahawa wanita mempunyai kedudukan yang tinggi sebelum ajaran Confucianisme diperkenalkan di Jepun pada kurun ke-4, sebagaimana Permaisuri Himiko yang memerintah kerajaan Yamatai pada kurun ke-2. Pada zaman kontemporari, falsafah yang menekankan wanita perlu sentiasa patuh kepada kaum lelaki jelas terlihat sehinggakan mereka tidak boleh membantah jika mendapati suaminya mempunyai hubungan dengan perempuan lain. Yang penting bagi seorang wanita ialah sentiasa mematuhi arahan lelaki sama ada arahan tersebut disukainya atau tidak. Prinsip sedemikian yang telah diadaptasi dari Tamadun China telah mendominasi pemikiran masyarakat Jepun sehingga ke hari ini. Namun secara keseluruhannya, pengaruh

¹⁰⁹ Joy Hendry, *Understanding Japanese Society*, London: Routledge, 1987, hlm. 34

Confucianisme telah berjaya membentuk moral dan etika masyarakat Jepun menjadi lebih teratur dalam menjamin keharmonian hidup bermasyarakat.

Pengaruh Taoisme pula telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun melalui konsep “*yin-yang*” yang mana “*ying*” merupakan elemen wanita (negatif) dan “*yang*” mewakili elemen lelaki (positif). Malah konsep bahawa kehidupan manusia dipengaruhi oleh lima elemen utama iaitu tanah, air, api, logam dan kayu telah mempengaruhi pemikiran dan kehidupan masyarakat Jepun dengan kuatnya. Umpamanya, masyarakat Jepun amat mempercayai keserasian dalam hal memilih jodoh. Oleh itu setiap pasangan Jepun yang ingin mendirikan rumah tangga akan menemui penilik nasib untuk melihat sama ada elemen yang ada dalam diri mereka mempunyai kesesuaian atau tidak. Malah pasangan tersebut juga akan meminta penilik nasib tersebut memilih tarikh yang sesuai bagi mereka mendirikan rumah tangga. Sememangnya ajaran Confucian telah memberi satu pengajaran yang baru kepada masyarakat Jepun mengenai ilmu-ilmu ghaib. Sebelum kemasukan pengaruh China di Jepun, masyarakat Jepun tidak mempunyai pengetahuan mengenai perkara-perkara ghaib selain daripada roh datuk nenek moyang mereka yang sudah mati. Lantaran dengan kemasukan pengaruh China khususnya melalui idea-idea Confucian, kepercayaan kepada perkara-perkara ghaib telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Jepun dan ianya dijadikan panduan bagi masyarakat Jepun dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Masyarakat Jepun amat mementingkan nilai kasih sayang dalam kehidupan seharian mereka. Pemikiran sedemikian merupakan salah satu daripada ajaran agama Buddha yang menekankan bahawa manusia secara lumrahnya memerlukan kasih sayang.¹¹⁰ Konsep ini dalam bahasa Jepunnya dikenali sebagai "*karuna*", telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Jepun dari pelbagai lapisan masyarakat, malah golongan pahlawan juga turut menerimanya sebagai satu sifat yang mulia. Konsep ini diperkenalkan di Jepun memandangkan Jepun pada suatu masa dahulu sering terlibat dengan peperangan.

Melalui konsep "*karuna*" ini pihak yang menang dalam sesuatu peperangan harus mengadakan satu upacara untuk memohon doa semoga roh mereka yang terkorban, sama ada dari pihak sendiri mahupun pihak lawan sentiasa dalam kesejahteraan. Ajaran sedemikian telah dipraktikkan oleh salah seorang panglima tentera Jepun yang terkenal iaitu Hojo Tokimune, semasa Jepun menewaskan tentera Mongol dalam pada akhir kurun ke-14.¹¹¹ Upacara yang sama juga turut diadakan semasa kemenangan Jepun dalam Perang Russia-Jepun, 1904-1905 yang mana mereka memohon restu semoga roh mereka yang gugur di medan perang sentiasa aman dan sentosa. Falsafah dan pemikiran sedemikian telah berakar umbi dalam pemikiran masyarakat Jepun sehingga ke hari ini. Tambahan pula falsafah "*karuna*" itu mempunyai keserasian dengan budaya tradisi Jepun.

¹¹⁰ Murukami Hyoe dan Edward G. Seidensticker, *Guides to Japanese Culture*, hlm. 63

¹¹¹ *Ibid.*

4.3 NILAI MORAL DAN ETIKA

Apabila kita memperkatakan pembentukan nilai moral dan etika masyarakat Jepun, kita tidak dapat lari daripada membincangkan ajaran yang terkandung dalam Confucianisme. Kerana itulah masyarakat Jepun tidak pernah menganggap bahawa Confucianisme itu sebagai satu ajaran agama, tetapi ia lebih menjurus kepada didikan moral dan etika. Ini dapat memberi gambaran bahawa nilai etika masyarakat Jepun banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai Tamadun China khususnya ajaran Confucian. Jika dilihat dari perspektif sejarah, Confucianisme mula dibawa masuk ke Jepun melalui Korea pada 404 T.M.¹¹²

Di antara fahaman Confucian terawal yang mempengaruhi sistem politik dan etika Tamadun Jepun dapat dilihat melalui "*Perlembagaan Artikel Tujuh Belas*" yang telah diperkenalkan oleh Putera Shotoku pada tahun 604 T.M. yang mana ianya lebih menekankan perhubungan yang baik antara pihak pemerintah dengan rakyat serta menuntut supaya rakyat sentiasa taat dan patuh kepada pihak pemerintah. Ini selaras dengan ajaran Confucianisme melalui prinsip lima perkara dalam menjaga perhubungan sesama manusia sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Dengan adanya kecenderungan menggunakan fahaman Confucianisme dalam menstabilkan politik Jepun, ajaran Confucianisme telah melalui perkembangan yang pesat

¹¹² Warren W. Smith, *Confucianism In Modern Japan: A Study of Conservatism in Japanese Intellectual History*, Tokyo: Hokuseido Press, 1959, hlm.6

yang mana ianya wajib dipelajari oleh setiap pegawai-pegawai tadbir kerajaan Jepun dalam melahirkan sistem perkhidmatan awam yang berkualiti di Jepun.

Ajaran Confucianisme seterusnya telah melalui tahap perkembangan yang pesat semasa Zaman Nara (710-784 T.M.) yang mana pada ketika itu prinsip-prinsip yang terkandung dalam ajaran Confucianisme telah dijadikan sebagai kurikulum utama di sekolah-sekolah kerajaan. Dengan adanya penerapan prinsip-prinsip Confucianisme di dalam kurikulum sekolah-sekolah kerajaan, secara tidak langsung ianya dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri generasi muda Jepun dan seterusnya dapat melahirkan sebuah masyarakat yang seimbang dari segi rohani, emosi dan intelek sebagaimana yang terkandung didalam ajaran Confucianisme. Dengan erti kata lainnya, Confucianisme telah memainkan peranan penting dengan penerapan nilai-nilai murni dalam diri setiap individu masyarakat Jepun dalam membentuk sistem moral dan etikanya yang sempurna.

Confucianisme di Jepun mengalami perkembangan yang pesat terutamanya semasa Jepun di bawah pemerintahan Kesyogunan Tokugawa terutamanya pengasas kerajaan Syogun Tokugawa iaitu Tokugawa Ieyasu (1542-1616)¹¹³ yang telah memberi sokongan padu terhadap sebarang bentuk penyebaran ajaran Confucian di Jepun. Antara bukti yang menunjukkan bagaimana Ieyasu begitu tertarik dengan prinsip-prinsip yang terkandung

¹¹³ *Ibid.*, hlm. 10

didalam Confucianisme ialah apabila beliau telah menggalakkan penyebaran fahaman Confucianisme di Jepun dalam usahanya melahirkan sebuah negara yang aman dan mempunyai sistem pentadbiran yang efektif. Ini jelas terlihat melalui kenyataannya seperti berikut;

“...if the Way of human morality is not understood, society will be chaotic, the nation will not be at peace, and disorders will never cease. To bring forth an understanding of the principles of the Way, there is no better means than books. The printing and diffusion of books is the most important task of a benevolent government.”¹¹⁴

Sesungguhnya semasa era pemerintahan Kesyogunan Tokugawa, Jepun telah berjaya mewujudkan sebuah masyarakat yang stabil dan hidup secara aman damai di samping mempunyai struktur pentadbiran yang efektif. Malah untuk mengukuhkan kedudukan kerajaan Kesyogun Tokugawa, pendidikan dan kegiatan intelektual ketika itu telah menjadikan idea-idea Confucianisme sebagai asas bagi sukatan pelajaran di sekolah-sekolah. Buku-buku yang mengandungi prinsip-prinsip Confucianisme telah digunakan sebagai buku rujukan utama sistem pendidikan Jepun ketika itu seperti buku *“Lesser Learning”*, *“Five Classic”*, *“Four Books”¹¹⁵* dan sebagainya yang banyak menekankan aspek-aspek moral dan etika. Ini jelas menunjukkan bagaimana falsafah Confucianisme ketika itu telah mendominasi pendidikan moral dan etika masyarakat Jepun.

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ *Ibid.*, hlm. 11

Penjelasan bukti-bukti diatas menunjukkan bagaimana idea-idea Confucianisme telah diterima pakai oleh pihak pemerintah dalam usaha mereka melahirkan sebuah masyarakat yang berdisiplin serta beretika dalam membentuk sebuah negara yang kuat dan stabil. Namun ini tidak bermakna masyarakat biasa tidak menerima ajaran Confucianisme dalam kehidupan seharian mereka. Golongan rakyat juga telah menerima dengan baiknya prinsip-prinsip yang terkandung didalam ajaran Confucianisme khususnya di dalam aspek pendidikan moral dan etika. Penerimaan golongan bawahan Jepun terhadap ajaran ini dapat dilihat melalui reaksi mereka terhadap idea-idea Confucianisme iaitu;

*"We shall require children to respect their parents, servants to obey their masters, husbands and wives, brothers and sisters, to live in harmony, and the young to revere the cherish their elders, in short, we will endeavor to lead the people to walk righteously. Whoever fails to do so shall without fail incur your punishment.... On the other hand, if any person is distinguished by obedience to parents, diligence in duties or praiseworthy conduct in any other matters, he shall be reported by us and rewarded by you."*¹¹⁶

Ini jelas menunjukkan bagaimana lima prinsip perhubungan sosial yang ditekankan oleh ajaran Confucianisme mempunyai peranan yang penting dalam melahirkan sebuah masyarakat yang stabil di Jepun. Kesimpulannya, ajaran Confucianisme telah memberi sumbangan yang besar kepada sistem moral dan etika masyarakat Jepun yang mula mendapat tempat semasa zaman Kesyogunan Tokugawa sehinggalah ke abad 20 sebagaimana yang dinyatakan

¹¹⁶ *Ibid.*, hlm. 16

oleh McMullen didalam *Kodansha Encyclopedia of Japan, Volume I* yang bertajuk "*Confucianism*";

*"In Japan Confucianism has exercised a formative influence especially in the areas of education and ethical and political thought and conduct, and assumed particular importance during the 6th to 9th centuries and during the Edo (1600-1868), Meiji (1868-1912), Taisho (1912-1926) and early Showa (1926-ca1945) periods."*¹¹⁷

¹¹⁷ Roger Goodman dan Kirsten Refsing, *Ideology and Practice In Modern Japan*, London dan New York:Routledge, 1992, hlm. 130

4.4 SISTEM TULISAN

Apabila memperkatakan sistem tulisan di Jepun, kita sememangnya tidak dapat lari daripada membincangkan peranan Tamadun China yang telah memberi sumbangan yang besar kepada sistem tulisan di Jepun. Namun proses peminjaman daripada sistem tulisan Cina bukanlah merupakan sesuatu tugas yang mudah. Ini memandangkan bahawa karektor sistem tulisan Cina adalah berdasarkan piktograf dan ideograf yang mana ini amat menyukarkan didalam proses asimilasi dengan bahasa-bahasa lain. Karektor sistem tulisan Cina yang pertama yang telah digunakan ke dalam Tamadun Jepun ialah melalui penulisan "*Kojiki*" iaitu penulisan rekod hal-hal purbakala Jepun yang mana ianya adalah berdasarkan sistem tulisan Cina yang terdapat didalam buku "*Thousand Character Classic*" dan "*Analects of Confucius*" yang mana bahan-bahan tersebut merupakan pemberian Raja Paekche iaitu sebuah kerajaan di Korea.¹¹⁸

Memandangkan sistem tulisan Cina terlalu kompleks dan sukar untuk diadaptasi ke dalam bahasa Jepun, maka satu sistem yang berdasarkan sistem fonetik telah diperkenalkan untuk kegunaan masyarakat Jepun. Sistem fonetik ini terdiri daripada dua kategori utama iaitu "*Katakana*" dan "*Hiragana*." Katakana mengandungi bentuk lambang penulisan yang mudah yang mana ianya hanya mengambil satu bahagian sahaja daripada sistem tulisan Cina yang asal.¹¹⁹ Sistem tulisan ini berkembang selari dengan perkembangan

¹¹⁸ Umesao Tadao, *Seventy-seven Keys to the Civilization of Japan*, hlm. 69

¹¹⁹ *Ibid.*, hlm. 70

institusi-institusi agama Buddha di Jepun yang mana ianya telah digunakan dalam membuat pentafsiran bahan-bahan rujukan agama Buddha. Oleh itu ianya dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat Jepun secara keseluruhannya. Walaupun sistem tulisan *katakana* banyak digunakan didalam penulisan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan bahan-bahan bertulis dari China, namun peranan utamanya ialah untuk menunjukkan sistem tulisan milik Tamadun Jepun yang tidak mempunyai persamaan dengan Tamadun China.

Manakala sistem tulisan "*Hiragana*" pula merupakan satu sistem tulisan yang telah diubah suai dari sistem tulisan Cina yang asal yang mana ianya bukan sahaja mengambil sebahagian daripada sistem tulisan asal tetapi keseluruhan bentuk karektor sistem tulisan Cina. Tulisan ini juga dikenali sebagai *tulisan perempuan* kerana ianya telah digunakan secara meluas oleh golongan aristokrat wanita semasa Zaman Heian (794-1185) yang mana ianya popular digunakan oleh kaum perempuan semasa menulis dairi serta menulis surat.¹²⁰ Peminjaman sistem tulisan dari China ini terus berjalan dengan rancaknya dan telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan Tamadun Jepun. Malah pada abad ke-10, sistem tulisan *katakana* telah mempunyai pelbagai variasi yang mana ianya telah digunakan secara berbeza-beza antara sesebuah sekolah dan tulisan *katakana* ini juga amat popular di kalangan muda mudi Jepun dalam meluahkan perasaan hati mereka.

¹²⁰ *Ibid.*

Dengan adanya perkembangan sistem tulisan Cina di Jepun, keadaan ini telah menggalakkan pelbagai bentuk penulisan di negara itu yang sebelum ini tidak pernah mereka alami. Umpamanya dalam bidang penulisan sejarah atau historiografi yang mana Jepun juga telah mengikut langkah seperti China iaitu menyimpan segala bahan-bahan bersejarah malah aktiviti penulisan sejarah ini merupakan tanggung jawab utama bagi pihak istana. Dengan itu lahirlah karya historiografi yang terkenal di Jepun iaitu "*Kojiki*" yang disusun pada tahun 712 T.M. serta "*Nihon Shoki*" yang dihasilkan pada 720 T.M.

Perkembangan sistem penulisan di Jepun juga dapat dilihat melalui penulisan puisi yang terkenal di Jepun iaitu "*Man'yoshu*" (*Collection of Myriad Leaves*).¹²¹ *Man'yoshu* merupakan satu bentuk antologi puisi yang mana puisi-puisi tersebut merupakan hasil penciptaan zaman silam iaitu sebelum tahun 760 T.M. lalu dikumpulkan menjadi satu bentuk antologi puisi.¹²² Di anggarkan bahawa terdapat kira-kira 4,516 puisi yang terkandung didalam *Man'yoshu* yang mana lebih kurang 4,000 daripada puisi-puisi tersebut merupakan puisi-puisi pendek atau lebih dikenali sebagai "*tanka*" di Jepun.¹²³ Penulisan puisi berbentuk *tanka* ini amat popular dalam penghasilan puisi Jepun yang mana ianya mengandungi 31 suku kata yang dipecah-pecahkan kepada 5-7-5-7-7.¹²⁴

¹²¹ Edwin O. Reischauer dan John K. Fairbank, *East Asia the Great Tradition*, hlm. 496

¹²² *Ibid.*, hlm. 497

¹²³ *Ibid*

¹²⁴ *Ibid.*

Sebenarnya puisi *tanka* memainkan peranan yang penting sebagai sumber inspirasi dalam memberi keindahan dan kesegaran sesuatu puisi. Oleh itu, puisi-puisi ini amat sukar untuk diterjemahkan secara artistik apatah lagi secara langsung kerana jika berbuat sedemikian, sudah pasti keaslian sesuatu puisi itu akan hilang.

Sememangnya tidak dapat dinafikan lagi bahawa pengaruh Tamadun China dalam sistem tulisan Jepun telah membantu kepada perkembangan tamadun Jepun. Akhirnya, kerajaan Jepun telah mengambil satu langkah yang paling penting pada tahun 1900 yang mana pada tahun tersebut sistem tulisan *katakana* dan *hiragana* telah diisytiharkan sebagai tulisan rasmi negara Jepun berkuat kuasa pada tahun itu juga.¹²⁵ Pada zaman kontemporari ini, kita dapat melihat bagaimana kedua-dua sistem tulisan tersebut mempunyai kedudukan yang penting di Jepun iaitu sebagai media penulisan utama yang mana kira-kira sebanyak 2,000 karektor tulisan Cina masih lagi dikekalkan. Malah perkembangan penulisan di Jepun pada zaman kontemporari memperlihatkan perkembangan yang memberangsangkan terutamanya melalui aspek penerbitan surat khabar yang telah mencapai sebagai tahap perindustrian seperti akhbar *Yomiuri* dengan jumlah edaran kira-kira 8,740,000, akhbar *Asahi* 7,470,000 dan akhbar *Mainichi* dengan jumlah edaran sebanyak 4,540,000.¹²⁶ Jumlah tersebut telah menjadikan Jepun sebagai salah sebuah negara yang mempunyai edaran akhbar yang terluas di dunia. Namun apa

¹²⁵ Umesao Tadao, *Seventy-seven Keys to the Civilization of Japan*, hlm. 71

¹²⁶ *Ibid.*, hlm. 72

yang ingin ditekankan di sini ialah Tamadun China turut sama memberikan sumbangan yang besar kepada pencapaian Jepun dalam bidang tersebut pada hari ini.

4.5 KESENIAN

Perkembangan kesenian di Jepun sememangnya mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengaruh dari Tamadun China. Pengaruh dari Negara China khususnya melalui idea-idea yang terkandung di dalam ajaran Zen Buddhisme banyak mempengaruhi perkembangan kesenian di Jepun. Dalam melihat pengaruh Tamadun China dalam aspek kesenian di negara Jepun, pengkaji telah membahagikannya kepada empat klasifikasi utama iaitu;

- a. seni minum teh (*cha-no yu*)
- b. seni taman
- c. seni lukis

yang mana ketiga-tiga aspek tersebut banyak dipengaruhi oleh ajaran Zen Buddhisme yang memberi penekanan kepada meditasi diri dan berharmoni dengan alam.

4.5.1 SENI MINUM TEH

Seni minum teh atau lebih dikenali sebagai *cha-no-yu* merupakan tradisi upacara keagamaan bagi sami-sami Buddha yang berasal dari Negara China. Kesenian minum the ini mula dibawa masuk ke Jepun pada abad ke-15 oleh Tuan *Senno-Rikyu* yang berfungsi sebagai sumber keindahan dalam

agama Buddha.¹²⁷ Idea yang terkandung didalam kesenian ini merupakan kesan daripada konsep Zen yang mengagong-agongkan kehidupan yang tidak mementingkan kemewahan.

Upacara minum teh ini telah dianggap sebagai satu kesenian memandangkan ianya dijalankan secara teratur dan penuh disiplin serta mempunyai beberapa matlamat yang tertentu. Upacara ini juga dianggap sebagai satu kesenian berdasarkan kepada beberapa fakta utama, antaranya upacara ini seolah-olah membawa gambaran kepada pertunjukan teater. Gambarannya ialah seperti tuan rumah itu dianggap sebagai pelakon, tetamunya pula dianggap sebagai penonton, manakala ruang bagi mengadakan upacara tersebut dianggap sebagai pentas utama dan tata tertib menjalankan upacara minum teh ini (*chakai-ki*) dianggap sebagai skrip utama dalam menjayakan pementasan teater. Secara keseluruhannya objektif utama dalam upacara *cha-no-yu* ini ialah mencapai kesatuan serta keharmonian antara keempat-empat elemen tersebut.¹²⁸

Di samping itu juga, upacara *cha-no-yu* ini dijalankan itu mempunyai falsafahnya tersendiri yang mana tuan rumah serta tetamu yang dijemput itu perlu mempunyai semangat yang harmoni sebelum memasuki rumah teh tersebut. Tetamu yang dijemput itu diharapkan dapat membaca perasaan serta

¹²⁷ Harold C.Hinton dan Marius B.Jansen, **Major Topics On China and Japan A Handbook for Teachers**, Harvard:Harvard University Press, 1957, hlm. 238

¹²⁸ Murukami Hyoe dan Edward G.Seidensticker, **Guides to Japanese Culture**, hlm. 179

niat tuan rumah berdasarkan lukisan yang digantung serta susunan bunga yang terdapat di dalam rumah teh itu. Malah tetamu yang hadir dalam upacara *cha-no-yu* perlu menyesuaikan bentuk perbualan tersebut dengan suasana di persekitaran mereka. Ini jelas menunjukkan bagaimana upacara *cha-no-yu* ini merupakan satu kesenian yang penuh dengan falsafah dan objektif tertentu dalam kehidupan seharian.

Malah setiap individu yang terlibat dalam upacara ini perlu memahami teknik-teknik yang betul dan sempurna semasa meminum teh. Antara teknik-tekniknya ialah tetamu perlu menundukkan kepalanya sebelum menerima bekas yang berisi teh itu dengan tangan kanan dan meletakkannya diatas tapak tangan kiri. Kemudian bekas tersebut perlu dipusing sebanyak tiga kali mengikut arah pusingan jam dengan menggunakan tangan kanan. Selepas selesai meminumnya, bahagian bekas yang terkena mulut kita perlu dibersihkan dengan menggunakan tangan kanan dan kemudiannya memusing kembali bekas tersebut sebanyak tiga kali pusingan mengikut arah berlawanan jam dan mengembalikannya semula kepada tuan rumah.¹²⁹ Ini jelas membuktikan bahawa upacara *cha-no-yu* ini merupakan satu upacara keagamaan Zen Buddhisme yang mempunyai mutu nilai kesenian yang tinggi. Secara tidak langsung kesenian ini telah mewarnai dan memperkayakan kesenian Tamadun Jepun sebagaimana yang kita saksikan pada hari ini.

¹²⁹ A Look Into Japan, Tokyo: Japan Travel Bureau, 1985, hlm.31

Namun apa yang perlu diperingatkan di sini ialah kekayaan serta ketinggian kesenian Jepun yang kita saksikan tersebut merupakan sumbangan dari Tamadun China dan telah dipraktikkan berkurun-kurun lamanya sehingga ke hari ini.

4.5.2 SENI TAMAN

Sebagaimana seni *cha-no-yu* yang dipengaruhi oleh ajaran Zen Buddhisme, seni taman Jepun juga turut dipengaruhi oleh agama Buddha. Melalui ajaran Zen setiap pengikut ajaran tersebut perlu berharmoni dengan alam semasa mereka bermeditasi. Malah salah satu daripada falsafah ajaran Zen Buddhisme ada memperkenalkan konsep "*One in All and All in One*"¹³⁰ yang mana falsafah ini menerapkan fahaman dalam diri pengikut Zen supaya menyatukan perasaan mereka dengan alam dan merasakan seolah-olah alam juga turut bersatu dalam diri mereka.

Oleh itu tidak hairanlah sekiranya kita melihat pada hari ini, rumah ibadat serta rumah kediaman masyarakat Jepun perlu mempunyai sebuah mini taman yang mana dengan adanya mini taman tersebut dapat menimbulkan perasaan berharmoni dengan alam dan seterusnya dapat memberikan ketenangan dalam diri mereka. Kerana itulah rekaan taman mini di Jepun

¹³⁰ Murukami Hyoe dan Edward G. Seidensticker, *Guides to Japanese Culture*, hlm 47

mempunyai motif untuk menimbulkan perasaan cinta kepada alam sekitar dan seterusnya menimbulkan "*sense of simple*" dalam kehidupan.¹³¹

Dalam membicarakan seni taman di Jepun, ia mempunyai tiga rekaan yang utama iaitu;¹³²

a. *Tsukiyama*

b. *Karesansui*


c. *Chaniwa*

Namun diantara ketiga-tiga rekaan seni taman tersebut, rekaan taman *Karesansui* mempunyai pengaruh yang kuat dari ajaran Zen Buddhisme yang mana ianya telah melalui perkembangan yang pesat semasa pemerintahan era Muromachi. Rekaan taman ini cuba mempernyatakan keluasan alam dengan menggunakan batu dan pasir sahaja yang mana pasir putih ini merupakan lambang simbolik kepada sungai atau laut manakala batu itu pula membawa perlambangan kepada gunung-ganang. Seni taman ini dikenali sebagai "*kare sansui*" atau "lanskap kering".¹³³ Rekaan lanskap yang sedemikian amat bersesuaian dengan falsafah ajaran Zen yang mementingkan meditasi dan intuisi. Contoh yang paling jelas dapat dilihat pada Taman Kuil *Ryoanji* di Kyoto.

¹³¹ *A Hundred Things Japanese*, hlm. 14

¹³² *Ibid.*

¹³³ Yutaka Tazawa, Saburo Matsubara etl., *Sejarah Kebudayaan Jepun Satu Perspektif*, terjemahan M.Rajendran, Tokyo:Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, 1987, hlm.68



Rajah 2. Taman 'Karesansui' atau 'lanskap kering' ini terletak di Kuil Ryoanji, dibina pada kurun ke-15, hasil daripada pengaruh mazhab Zen Buddhisme. Keharmonian antara warna, bentuk dan saiz-saiz batu tersebut menjadikan seni taman ini mempunyai nilai estetika yang tinggi. Batu-batu tersebut diinterpretasikan sebagai pulau-pulau manakala butiran pasir di sekelilingnya pula menggambarkan sungai atau air laut.

Sumber : http://www.kiss.or.jp/rekishi/kvoto/img0073_e.html

Daripada penjelasan tersebut jelas menunjukkan bagaimana pengaruh Zen Buddhisme yang berasal dari Negara China telah memberi sumbangan kepada perkembangan seni taman di Jepun yang mana ianya masih lagi kekal dipraktikkan sehingga ke hari ini.

4.5.3 SENI LUKIS

Mazhab Zen juga turut mempunyai pengaruh yang kuat ke atas seni lukis Jepun khususnya seni lukis zaman Kamakura. Mazhab Zen yang mementingkan keperluan mencapai kesatuan dengan alam semulajadi menyebabkan lukisan-lukisan Jepun banyak bermotifkan pemandangan alam semulajadi. Lukisan yang menjadi kelaziman pada masa ini banyak menggunakan dakwat hitam atau pun dikenali sebagai "*suiboku ga*", yang merupakan sebahagian penting dalam kebudayaan Zen.¹³⁴ Disebabkan mazhab Zen mementingkan kesatuan dengan alam semulajadi, maka lukisan yang bermotifkan alam semulajadi khususnya lukisan pandangan darat atau "*sansui ga*" diiktiraf sebagai lukisan yang mempunyai nilai seni yang tinggi.

Namun satu perkara yang menarik apabila membincangkan seni lukis Jepun ialah ianya telah dipelopori oleh golongan sami-sami Zen Buddhisme. Ada diantara sami-sami tersebut menjadikan lukisan sebagai kerja sambilan bagi tujuan untuk mendisiplinkan jiwa dan rohani mereka malah ada juga antara mereka yang menjadi pelukis profesional yang mahir. Di atas faktor

¹³⁴ *Ibid.*, hlm. 67


tersebutlah maka seni lukis Jepun telah dipengaruhi oleh ciri-ciri Tamadun China. Antara sami-sami Zen terkenal yang menjadikan lukisan sebagai kerjaya mereka ialah *Josetsu* dengan tajuk lukisannya "*Hyonen zu*" dan *Shubun* yang memperhalusi lukisan gaya *sansui ga* mengikut citarasa Jepun.¹³⁵

Di samping peranan sami-sami Zen yang telah mempelopori serta mewarnai seni lukis Jepun, terdapat juga pelukis tempatan yang turut menyumbang kepada perkembangan seni lukis Jepun. Antara yang terkenal ialah *Sesshu* dengan karya-karyanya yang popular seperti "*Sansui Chokan*" (Pandangan Darat Empat Musim), "*Shuto Sansui zu*" (Pandangan darat Musim Luruh dan Musim Dingin) dan "*Hobaku Sansui zu*" (Pandangan Darat).¹³⁶ Lukisan-lukisan tersebut walaupun dihasilkan oleh anak tempatan Jepun namun masih tetap menerima pengaruh ciri-ciri Tamadun China tambahan pula *Sesshu* merupakan salah seorang sarjana yang dihantar ke China untuk mendalami kebudayaan China. Malah lukisan-lukisan yang telah dihasilkan oleh beliau itu adalah bermotifkan pandangan darat iaitu lukisan *sansui ga* yang mana ianya merupakan pengaruh seni lukis yang dipelopori oleh Mazhab Zen.

¹³⁵ *Ibid.*, hlm.68

¹³⁶ *Ibid.*

Sesungguhnya Tamadun China telah memberi sumbangan yang besar kepada bidang seni lukis Jepun terutamanya melalui pengaruh mazhab Zen Buddhisme. Lukisan-lukisan sebegini merupakan khazanah peninggalan zaman silam dan ianya kekal tersimpan sehingga ke hari ini dan bidang seni lukis dianggap sebagai salah satu daripada identiti Tamadun Jepun.



Rajah 3: Seni lukisan 'Musim Luruh dan Musim Dingin' ini iaitu salah satu daripada koleksi 'Lukisan Empat Musim' merupakan hasil karya Sesshu, seorang Sami Zen yang terkenal pada kurun ke-15. Lukisan ini merupakan inspirasi daripada ajaran Zen Buddhisme.

Sumber: Yutaka Tazawa (et. al), 1987. Sejarah Kebudayaan Jepun (terjemahan M.Rajendran), Tokyo: Kementerian Hal Ehwal Luar Jepun, hlm. 52

4.6 PEMBINAAN IBU KOTA

Apabila membicarakan pembinaan ibu kota Jepun yang menerima pengaruh dari Tamadun China, kita tidak dapat lari daripada membincangkan dua ibu kota yang terpenting dan termasyhur iaitu Nara dan Kyoto. Kedua-dua ibu kota tersebut mengambil contoh pembinaan ibu kota di China terutamanya semasa China di bawah pemerintahan Dinasti Tang. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih lanjut, pengkaji akan mengklasifikasikannya kepada dua bahagian iaitu;

- a. Nara
- b. Kyoto

4.6.1 IBU KOTA NARA

Ibu Kota Nara dibina pada awal kurun ke-8 yang mana ianya mengambil model daripada pembinaan Kota Ch'ang-an. Kota ini telah dijadikan kota persemayaman maharaja Jepun selama lebih kurang lapan puluh tahun bermula pada tahun 701 T.M. Memandangkan pembinaan kota Nara ini mengambil contoh dari Kota Ch'ang-an (ibu kota Dinasti Tang di China), maka sudah pastinya struktur pembinaan ibu kota Nara mempunyai persamaan dengan kota Ch'ang-an di China.

Jika dilihat dari aspek strukturnya, Kota Nara adalah berbentuk bujur yang mana pada bahagian hujung di sebelah utara terletak istana maharaja dan di sebelah kanan dan kirinya di kelilingi oleh bandar-bandar yang

menganjur dari utara sehingga ke selatan. Kota Nara ini berukuran 4.2 km panjang dan 4.6 km lebarnya yang mana saiz tersebut merupakan satu perempat sahaja daripada keluasan Kota Ch'ang-an.¹³⁷ Namun kota ini mempunyai sedikit perbezaan dengan Kota Ch'ang-an yang mana Kota Nara ini tidak mempunyai pagar yang mengelilingi persekitaran kotanya sebagaimana di Negara China.

Selain istana maharaja yang merupakan bangunan utama dalam pembinaan struktur ibu kota Nara, terdapat juga bangunan-bangunan seperti rumah-rumah kediaman pembesar istana dan golongan bangsawan, beberapa buah kuil serta pasar-pasar besar yang dibina pada sebelah barat dan timur ibu kota Nara. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya bilangan populasi penduduk di sekitar ibu kota Nara pada awal pembinaanya itu menjangkau kira-kira 200,000 orang penduduk. Pelbagai perancangan pembangunan telah dirancang bagi membangunkan Kota Nara ini. Dan Kota Nara ini telah menjadi sebagai kota kebudayaan Jepun ketika itu. Namun, istana kota Nara telah dipindahkan ke Heian-kyo dan jika pada hari ini ianya terletak di bandar Kyoto. Walaupun istana kota Nara telah dipindahkan ke Kyoto, tetapi kuil-kuil Buddha masih lagi boleh didapati di Nara sehingga ke hari ini. Kuil-kuil ini telah berusia lebih dari seribu tahun, namun struktur pembinaannya masih kekal dan kukuh sehingga ke hari ini seperti Kuil Todaiji, Kuil Kofukuji, Kuil Yakushiji dan sebagainya. Dengan itu Nara pada hari ini mempunyai dua fungsi yang penting iaitu sebagai pusat aktiviti keagamaan dan pada masa

¹³⁷ Umesao Tadao, *Seventy-seven Keys to the Civilization of Japan*, hlm. 54



Rajah 4 : Kuil Todaiji di Nara ini merupakan khazanah warisan kegemilangan agama Buddha di Jepun yang dapat dinikmati sehingga ke hari ini.

Sumber : <http://www.jnto.go.jp/03welcome/informercial/bb/bb.html>

yang sama juga ianya merupakan pusat pelancongan Jepun yang terkenal memandangkan kota Nara mempunyai banyak bangunan-bangunan serta monumen-monumen menarik yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi peninggalan zaman silam.

Di samping Kuil Todaiji yang terkenal di Nara, Kuil Horyuji iaitu bangunan kayu yang tertua di dunia juga masih kekal dan wujud di Nara pada hari ini. Kuil yang dibina pada tahun 607 T.M. ini merupakan bangunan bersejarah yang penting di Jepun yang mana ianya bukan sahaja berperanan sebagai institusi keagamaan sahaja tetapi pada masa yang sama ia menjadi pusat tarikan pelancong ke Jepun. Di laporkan bahawa bangunan kuil Horyuji ini menggunakan tenaga buruh yang ramai dalam proses pembinaannya yang mana mereka terdiri daripada kira-kira 50,000 tukang kayu mahir, 370,000 tukang besi dan seramai 2,180,000 tenaga buruh awam telah digunakan.¹³⁸ Malah terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa tidak ada bangunan pada zaman kontemporari ini yang mampu mengikut proses pembinaan Kuil Horyuji ini. Ini menunjukkan betapa kuil tersebut mempunyai nilai yang tinggi kepada Tamadun Jepun.

"*Shoso-in*" yang merupakan setor bagi menyimpan khazanah-khazanah bersejarah milik keluarga maharaja Jepun juga turut terletak di Kota Nara ini. Bangunan kayu ini telah dijadikan muzium bagi menyimpan segala

¹³⁸ Harold C.Hinton dan Marius B.Jansen, *Major Topics On China and Japan*, hlm.236



Rajah 5 Gambar ini menunjukkan pintu masuk ke Kuil Horyuji di Nara yang mana kuil Horyuji ini merupakan bangunan kayu yang tertua di dunia yang mana ia merupakan monumen lambang kegemilangan agama Buddha di Jepun dan masih dapat dinikmati sehingga ke hari ini.

Sumber <http://202.23.150.181/users/kkitao/pictures/ikaruga/horyuji/>

khazanah kepunyaan maharaja-maharaja Jepun bermula pada abad ke-8 sehingga sekarang iaitu lebih kurang lapan belas abad. Sudah pastinya, bangunan ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan mampu menjadi daya tarikan kepada pelancong asing dan tempatan malah Nara menjadi pusat pelancongan Jepun yang popular pada zaman kontemporari. Namun apa yang lebih penting lagi ialah pembinaan ibu kota Nara ini mempunyai pengaruh yang kuat dari Tamadun China dan ianya turut memberi sumbangan yang besar kepada pembentukan identiti Tamadun Jepun umumnya.

4.6.2 IBU KOTA KYOTO

Selepas pembinaan ibu kota Nara pada tahun 701 T.M., Jepun terus mengambil langkah dengan membina sebuah lagi ibu kota yang bermodelkan kota Dinasti Tang di China. Kota ini merupakan lambang kepada perkembangan pengaruh China yang telah diterima secara mutlak oleh Tamadun Jepun. Kota yang dimaksudkan ialah kota Kyoto yang telah dibina pada tahun 794 T.M. yang mana ianya telah menjadi ibu negara Jepun sehingga tahun 1868 sebelum diambil alih oleh Tokyo pada hari ini. Struktur awal ibu kota ini adalah berbentuk segiempat yang berukuran 4.6 km panjang dari bahagian timur hingga ke barat dan 5.3km panjang memanjang dari bahagian utara ke selatan. Istana kota ini terletak di bahagian hujung sebelah utara, memanjang hingga ke bahagian tengah dan melebar sehingga 85m ke

bahagian timur dan barat Kyoto.¹³⁹ Manakala rumah kediaman penduduk biasa pula terletak di dalam kawasan segiempat yang lebih kecil lagi. Struktur pembinaan ibu kota sedemikian rupa mengambil contoh dari kota Ch'ang-an, ibu kota bagi Dinasti Tang di China.

Dalam melihat pembinaan ibu kota di Jepun yang mengambil model dari Tamadun China seperti Kyoto ini, pembangunan yang dilakukan hanya tertumpu kepada kawasan istana sahaja yang mana bandar-bandar di sekeliling kawasan istana tidak dimajukan secara teratur dan sistematik. Namun pada abad ke-9, ianya merupakan zaman kegemilangan bagi pembinaan ibu kota yang bermodelkan Dinasti Tang seperti Kyoto ini yang mana pembangunan yang dijalankan adalah lebih menyeluruh. Segala aspek kebudayaan dari Dinasti Tang telah mengalir masuk ke Jepun sama ada dari aspek struktur pembinaan ibu kota yang lebih teratur, barangan-barangan perhiasan artifak dan sebagainya telah mewarnai corak ibu kota Kyoto ketika itu. Namun akhirnya pada abad ke-10, kebudayaan yang dipengaruhi oleh Dinasti Tang ini mula hilang pengaruhnya ekoran dari kejatuhan Dinasti Tang di China. Oleh itu hubungan antara Jepun dan China tidak lagi berada pada tahap yang membanggakan seperti dulu. Namun apa yang lebih penting lagi, kesan pembinaan ibu kota seperti Kyoto yang mengambil contoh daripada pembinaan kota Ch'ang-an masih kekal sehingga ke hari ini.

¹³⁹ Umesao Tadao, *Seventy-seven Keys to the Civilization of Japan*, hlm. 57

Malah Kyoto pada hari merupakan salah satu daripada enam buah bandar terbesar di Jepun yang mana populasi penduduknya pada hari ini lebih kurang seramai 1.5 juta orang.¹⁴⁰ Bandar Kyoto pada hari ini terkenal sebagai bandar yang menjalankan perindustrian seni kraftangan tradisional yang bermutu tinggi seperti bertenun dan mencelup, membuat tembikar dan sebagainya. Malah pada masa yang sama juga, bandar Kyoto ini merupakan bandar bersejarah bagi negara Jepun yang mana terdapat kira-kira 2,000 kuil-kuil yang membuktikan bahawa bandar ini dahulu merupakan pusat kegiatan agama Buddha di Jepun. Memandangkan bandar Kyoto ini mempunyai daya tarikan yang kuat bagi pelancong asing dan tempatan, maka tidak hairanlah sekiranya bilangan pelancong yang datang ke sini meliputi kira-kira 4 juta orang setiap tahun.¹⁴¹ Dan yang pastinya kegemilangan yang dicapai oleh bandar Kyoto ini merupakan kesan daripada pengaruh Tamadun China yang telah berakar umbi di dalam Tamadun Jepun.

Secara keseluruhannya Tamadun China sememangnya telah mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan identiti Tamadun Jepun dan pada masa yang sama juga ianya turut membantu kepada perkembangan Tamadun Jepun. Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, pengaruh dari Tamadun China telah mempengaruhi pelbagai aspek dalam kehidupan masyarakat Jepun seperti aspek agama, falsafah dan pemikiran, nilai moral dan etika, sistem tulisan, kesenian serta pembinaan ibu kota. Namun terdapat

¹⁴⁰ *Ibid.*

¹⁴¹ *Ibid*

juga pengaruh dari Tamadun China yang lain seperti pengaruh dalam senibina, sistem pendidikan, institusi kerajaan, ekonomi dan sebagainya. Namun pengaruh dari Tamadun China lebih menjurus kepada aspek kebudayaan dan agama berbanding aspek politik dan ekonomi. Namun apa yang lebih penting di sini ialah perkembangan Tamadun Jepun yang kita saksikan pada hari ini banyak dipengaruhi oleh idea-idea serta ciri-ciri Tamadun China yang mana proses interaksi ini dijalankan secara harmoni dan tanpa diganggu oleh sebarang perasaan prejudis. Ini merupakan faktor terpenting bagaimana Tamadun Jepun boleh mencapai tahap kegemilangan sebagaimana yang kita saksikan pada hari ini.